

# Berita

# Kuala Lumpur City News

# BANDARAYA

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)

ISSN 1675-1876 Naskah Percuma

Bil. Mac - April 2010 / Rabiulawal - Jamadilawal 1431H

## DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



## SEMINAR PERSATUAN PENDUDUK DI PORT DICKSON

Bagi memberi kefahaman kepada persatuan penduduk mengenai dasar-dasar terkini oleh kerajaan di dalam pembangunan Kuala Lumpur, DBKL telah menganjurkan Seminar Persatuan Penduduk Kuala Lumpur, bertempat di PNB Ilham Resort, Port Dickson Negeri Sembilan bermula dari 24 hingga 26 April 2010 lalu.

Seminar yang dihadiri oleh 200 orang peserta dari pelbagai persatuan penduduk yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Komuniti dan Sosial DBKL, telah dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan

Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik Dato' Zainal Abidin. Seminar tersebut turut dihadiri oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Fuad Ismail yang telah menyampaikan ucap tama kepada peserta. Antara pengisian program selama tiga hari itu adalah empat sesi pembentangan kertas kerja yang melibatkan 12 pembentangan oleh 10 orang wakil dari agensi kerajaan serta ketua-ketua jabatan DBKL. Seminar sebegini diyakini mampu memberi gambaran jelas kepada wakil persatuan untuk pembangunan persekitaran tempat tinggal mereka agar lebih selesa.







*Dari Meja Datuk Bandar*  
**Dato' Ahmad Fuad B. Ismail**

Tanggal 14 April 2010 yang lalu genaplah setahun perkhidmatan YB Senator Dato' Raja Nong Chik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Beliau sentiasa mengamalkan tadbir urus yang baik didalam menerajui kementeriannya. Secara umumnya, apabila sesebuah organisasi mengamalkan tadbir urus baik dalam setiap pelaksanaan tugas dan tanggungjawabnya berteraskan prinsip integriti, akauntabiliti, pengamanahan dan pengawasan serta ketelusan, maka ini akan memungkinkan organisasi tersebut untuk berjaya serta mendapat penarafan yang tinggi dan cemerlang. Sehubungan itu, tadbir urus baik merupakan suatu proses bermula dengan perancangan yang teliti, seterusnya pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan organisasi yang cekap, berkesan, adil dan saksama, telus, beramanah, berakauntabel dan berintegriti. Pelaksanaan berkesan itu pula diperkukuhkan dengan penilaian dan pemantauan berterusan, berlandaskan kepada matlamat untuk memenuhi kehendak pelanggan.

Suatu tadbir urus itu hanya akan dikatakan sebagai baik atau cemerlang apabila mencapai suatu tahap atau piawaian serta penarafan tertentu, yang merupakan pengukur prestasi pencapaian ke arah budaya kecemerlangan organisasi. Apabila tahap yang cemerlang atau penarafan yang tinggi telah dicapai, usaha tidak boleh terhenti di situ. Malah adalah penting dipastikan tahap cemerlang tersebut dipertahankan dan dikekalkan. Ini bermakna, amalan tadbir urus baik merupakan suatu proses yang berterusan dan hendaklah dibudayakan bagi menjamin kecemerlangan yang berpanjangan.

Sebagaimana yang ditekankan oleh Y.A.B Perdana Menteri, "the government knows best era is over". Tadbir urus yang baik adalah faktor penting dalam memenuhi kehendak dan hasrat rakyat yang semakin mencabar. Oleh itu, penting bagi penjawat awam diberi pendedahan serta dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang terkini serta di peringkat global mengenai tahap tadbir urus yang baik dalam memenuhi kehendak pelanggan. Di samping itu, wajar bagi kita meneladani konsep tadbir urus negara-negara jiran, contohnya Singapura, yang mengamalkan dynamic governance, think ahead, think across dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam.

## From The Mayor's Desk

14TH April marked the first anniversary for YB Senator Dato' Raja Nong Chik as the Minister of Federal Territory and City Wellbeing. He continuously practices good governance while helming the ministry. Generally when an organization practices good governance in all its implementation of duties and responsibilities abiding by the foundation of the principles of integrity, accountability, trust based and supervision as well as transparent, thus ensuring the success of the organization to reach the height of recognition and excellence. As a result good governance which starts as an administration process, beginning with careful planning and then comes the implementation of administration transforming it to become a competent organization, effective, just and fair; transparent, honest, accountable and with integrity. Effective implementation is therefore strengthened with continuous evaluation and monitoring of informations to fulfill clients need.

Any administration can be considered as good or excellent when it attains a certain height or standards and ratings, which then acts as a yardstick toward an excellent organizational culture. When the excellent status or distinctive height is achieved, the effort does not stop there. In fact it is important to uphold and maintain the glory.. This means, the practices of good governance is one of a continuous process and should be dutifully observed to ensure long term excellence.

Quoting Y.A.B the Prime Minister, " the government knows best era is over". Good governance is an important factor to fulfill the challenging needs of the " rakyat". So it is important for all public servants be given the exposure and be equipped with the latest skills and knowledge of global standards about good governance to fulfill clients needs. In addition, it is only proper for us to learn from our neighboring countries the concept of good governance, example Singapore which practices dynamic governance, think ahead, think across in its effort to enhance the Public Service message skills systems.



# PORT DICKSON COMM ASSOCIATION SEMINAR

To ensure that community associations are aware of the current policy of the government in developing Kuala Lumpur, DBKL had organised a Kuala Lumpur Community Associations Seminar, held at PNB Ilham Resort, Port Dickson Negeri Sembilan from 24th to 26th April 2010.

200 participants representing several community associations registered with the Kuala Lumpur City Hall Social and Community Development Department attended the seminar which was officiated by the Minister of Federal Territories and Urban Wellbeing, Dato' Raja Nong Chik Dato' Zainal Abidin. Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Ahmad Fuad Bin Ismail also attended the seminar and presented the opening speech.

Among the contents of the three-day program include four working papers presentation sessions involving 12 presentations by 10 representatives from several government agencies and head of several KL City Hall departments. The seminar is believed to be capable of giving a clearer guide to all the representatives from the associations as to how to develop their surrounding and ensure living comfort for all.



Penasihat: Y.bhg Dato' Ahmad Fuad B. Ismail  
Ketua Editor: Y. Bhg Datuk Hj Salleh Bin Yusop  
Editor: Anwar Bin Mohd Zain  
Sub-editor: Nor Iz Hayza Binti Md Zam  
Pemb. Editor: Emy Hezrin Binti Hanafiah  
Wan Norazah Binti Wan Md Nor  
Jurufoto: Mubarak Bin Atan  
Abd Rhani Bin Md Shohor  
Md Ismail Bin Isnin

Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL Hendaklah dialamatkan kepada:  
**Sidang Redaksi Berita Bandaraya,  
Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 5,  
Menara DBKL1, Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur**

Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2698 0460  
E-mel: penerbitan@dbkl.gov.my

**SIDANG REDAKSI**

## ISI KANDUNGAN

- |                                                  |                       |
|--------------------------------------------------|-----------------------|
| 1 MAJLIS PERASMIAN PUSAT PANGGILAN SETEMPAT DBKL | 8 ISU ILMIAH / SERIUS |
| 2 DARI MEJA DATUK BANDAR                         | 9 ISU ANTARABANGSA    |
| 3 FROM THE MAYOR'S DESK                          | 10 SUARA ANDA         |
| 4 AKTIVITI JABATAN KOMUNITI                      | 11 DISEBALIK TABIR    |
| 5 AKTIVITI PEJABAT CAWANGAN                      | 12 INFO DBKL          |
| 6-7 BERITA BERGAMBAR                             | 12 HUBUNGI KAMI       |